

EDISI 2023

Buletin FKA

Pengajian Kejuruteraan Awam

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



جامعة
الهندسة
والتكنولوجيا
**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

Program Pengukuhan PO (Cantas Gagal)

ECW241-Hydraulics

Diploma Kejuruteraan Awam

Amalina Amirah binti Abu Bakar

Seramai 25 orang pelajar Semester 5 Diploma Kejuruteraan Awam telah terlibat di dalam program ini. Rata-rata, mereka terdiri daripada kumpulan pelajar yang lewat mendaftar kursus ECW241-Hydraulics kerana tidak melepas markah minima kursus bersyarat fakulti iaitu *ECW231-Fluid Mechanics*. Maka, program ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan pencapaian PO1 dan PO2 bagi kod kursus ECW241. Program ini telah diadakan sebanyak 2 kali bagi menyediakan platform persediaan kepada pelajar sebelum menghadapi Ujian dan Peperiksaan Akhir iaitu masing-masing pada 1 Disember 2023 dan 22 Januari 2024. Para pelajar telah diberikan modul untuk diselesaikan di dalam kumpulan. Pada akhir program, pelajar telah berjaya melengkapkan sekurang-kurangnya 2 set soalan peperiksaan akhir yang lepas. Hasil daripada program ini, didapati seramai 76% pelajar telah lulus dengan jayanya berbanding kegagalan sebanyak 24%. Markah PO1 dan PO2 telah mencapai sekurang-kurangnya 50% bagi kedua-dua semester. Pada semester hadapan, pensyarah telah merancang untuk meneruskan program ini dengan menyusun pengisian menarik kepada para pelajar untuk meningkatkan lagi pencapaian PO terutamanya PO2 memandangkan usaha ini telah memberi impak positif kepada para pelajar

